

**IKHTILAT DAN IMPLIKASINYA
KE ATAS
KESEJAHTERAAN
KELUARGA**

**NURUL AIN MAZELAN
NAJAH NADIAH AMRAN**

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-184-8

Kandungan

Senarai Transliterasi ... 7

Senarai Singkatan ... 11

Prakata ... 13

BAB 1 Pergaulan dan Pembentukan Keluarga Sejahtera ... 15

BAB 2 Perlakuan *Ikhtilat* ... 31

BAB 3 Pengalaman *Ikhtilat* secara Fizikal dan Maya ... 47

BAB 4 Faktor *Ikhtilat* ... 64

BAB 5 Impak *Ikhtilat* ke Atas Keluarga ... 88

BAB 6 Kesejahteraan Keluarga dan Cabaran Masa Hadapan ... 110

Rujukan ... 119

Indeks ... 135

Prakata

Terdapat perselisihan pandangan berkaitan definisi dan hukum sebenar bagi *ikhtilat*. Perkara ini disebabkan kecenderungan mazhab, perbezaan pandangan dalam memahami nas dan persekitaran penulisan. Mutakhir ini, *ikhtilat* sering kali melibatkan golongan dewasa yang sudah berkahwin. Kesejahteraan keluarga tergugat dengan kes-kes khalwat dan peningkatan angka penceraian yang disebabkan orang ketiga. Keretakan institusi keluarga berkait rapat dengan masalah *ikhtilat* pasangan suami atau isteri yang memandang enteng aspek pergaulan dalam Islam.

Perbincangan yang terkandung di dalam buku ini adalah hasil adaptasi tesis Sarjana Pengajian Islam yang bertajuk “Implikasi *Ikhtilat* ke atas Kesejahteraan Keluarga”. Beberapa penambahbaikan telah dilakukan untuk memberi pemahaman asas tentang *ikhtilat* serta kesan dan ancamannya ke atas keluarga. Bagi memahami konsep *ikhtilat* yang dibincangkan para sarjana, buku ini menampilkan kupasan tentang *ikhtilat* dalam ruang lingkup yang umum. Seterusnya, penumpuan difokuskan kepada *ikhtilat* yang diharamkan Islam yang berlaku dalam kalangan pasangan yang sudah berkahwin pada masa kini. Turut disentuh dalam buku ini berkaitan konsep kesejahteraan keluarga dan isu-isu semasa yang berlaku dalam kalangan suami isteri. Kebanyakan bahan yang dipetik dalam buku ini diambil dari pelbagai sumber rujukan.

Buku ini terbahagi kepada enam bab. Bab 1 membincangkan tentang pergaulan dan pembentukan keluarga sejahtera. Manakala Bab 2 pula menyingkap konsep *ikhtilat* dan kesejahteraan keluarga secara komprehensif menurut neraca Islam. Bab 3 merupakan kemuncak perbincangan buku ini. Ia meneroka pengalaman *ikhtilat* yang berlaku dalam kalangan suami isteri pada masa kini. Seterusnya, Bab 4 menghuraikan punca dan faktor berlakunya masalah salah laku *ikhtilat* tersebut dan Bab 5 menganalisa kesan-kesan *ikhtilat* ke atas kesejahteraan keluarga. Bab 6 merumus dan menyimpulkan keseluruhan perbincangan dengan memberikan perhatian kepada cabaran dalam memperkukuhkan sistem keluarga yang sejahtera pada masa kini dan masa hadapan.

Islam meraikan fitrah manusia sebagai makhluk sosial. Bukan hanya kaum lelaki, bahkan Islam menyediakan platform pergaulan yang sama

bagi wanita untuk merayakan keberadaannya. Lebih-lebih lagi dunia hari ini menyaksikan wanita turut sama bersaing di medan pekerjaan, sama ada bagi menampung keperluan sara hidup yang semakin meningkat ataupun kepuasan peribadi, menjadikan persekitaran alam pekerjaan bercampur antara lelaki dan wanita. Buku ini diharap dapat meningkatkan kefahaman masyarakat berkaitan tatacara *ikhtilat* dalam kehidupan pasangan suami isteri yang merupakan salah satu indikator dalam menentukan kesejahteraan keluarga. Penulis juga berharap masyarakat dapat bersiap-siaga dengan ilmu yang boleh menjadi benteng daripada perkara yang dimurkai Allah di samping bersama-sama memperkuat institusi kekeluargaan.

Usaha untuk menerbitkan buku ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan dorongan banyak pihak khususnya keluarga, rakan, pensyarah dan Fakulti Pengajian Islam serta sidang editor Penerbit UKM. Kami juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjayakan penerbitan buku ini melalui peruntukan Dana Penerbitan Buku DPB-2023-127. Buku ini sesuai digunakan sebagai rujukan bagi pengajaran kursus isu-isu kekeluargaan, perkahwinan dan pembangunan masyarakat. Ia juga boleh menjadi rujukan dan bacaan bagi pembangun dan pelatih-pelatih modul kekeluargaan dan perkahwinan. Kami berharap buku ini dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat pembaca. Sekian, terima kasih.

Nurul Ain Mazelan

Najah Nadiah Amran